

**PENAMBAHBAIKKAN TERHADAP PERANAN
PENDAKWA SYARIE MELALUI PINDAAN PROSEDUR
JENAYAH SYARIAH¹** A

oleh B

ABDUL RANI BIN KAMARUDIN²
LLB Hons (IIUM), MCL (IIUM), Phd Undang-Undang (Exeter, UK)
Pegarah Unit Perundangan, Pejabat Rektor, IIUM C

dan

BAHARUDDIN YAACOB³
LLB Hons (UKM), Master in Syariah (UM)
Pegawai Syariah di Jabatan Kehakiman dan Syariah, Putrajaya D

Abstrak E

Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2010 telah memberikan pengertian yang agak berlainan terhadap peranan seorang pendakwa raya. Sebelum ini, matlamat seorang pendakwa, tiada lain melainkan menjurus kepada mendapatkan sabitan pertuduhan ke atas mana-mana orang kena tuduh ('OKT'). Maka sebaik sahaja pertuduhan sudah dibacakan dan diterangkan kepada OKT, dan jika OKT minta dibicarakan, langkah seterusnya bagi seorang pendakwa adalah menjurus terus kepada mengemukakan keterangannya pada hari perbicaraan yang ditetapkan bagi mewujudkan kes prima facie (beban keterangan) terhadap OKT tersebut, dan supaya hakim memerintahkan OKT untuk masuk membuat pembelaannya terhadap pertuduhan itu. Tidak ada apa-apa bentuk pertemuan bagi sebarang rundingan dan perbincangan di antara kedua-dua pihak yang bersaing. Mungkin ini ekoran sistem perbicaraan ala persaingan yang diguna pakai baik di peringkat persekutuan mahupun di F G H

-
- 1 Kertas Seminar Syariah dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan 2010 (SYUK 2010): Ke Arah Memartabatkan Undang-Undang Islam di Malaysia, anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di tempat yang sama pada 2-3 November 2010.
- 2 Email: rani@iiu.edu.my; tongkatmusa@hotmail.com; Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya (diterima masuk 1991); Peguam Syarie KL & NS (diterima masuk pada 1996); Pensyarah di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, International Islamic University Malaysia (IIUM) (2009-2011).
- 3 Diploma Syariah (KISDAR 2001); Diploma in Administration of Islamic Judiciary (DAIJ) (IIUM 2005). I I

- A *peringkat negeri-negeri oleh Mahkamah-mahkamah Syariah. Pun begitu, dengan pindaan terkini kepada Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'), sebaik sahaja OKT dituduh dan minta dibicarakan, sebelum perbicaraan dapat dimulakan, pendakwa dikehendaki mengadakan rundingan prabicara (pre trial conference) dengan OKT, dituruti pula dengan pengurusan kes (case management). OKT juga*
- B *boleh membuat permohonan bagi rundingan akuan (plea bargaining). Bermaksud, seorang pendakwa kini perlu memainkan peranan yang proaktif, antara lain, untuk mengatasi masalah kes-kes tertunggak yang belum selesai di mahkamah jenayah dan untuk menggalakkan pelupusan kes jenayah dengan cepat. Kertas ini akan menjelaskan peruntukan-peruntukan dan huraian yang*
- C *terdapat pada Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 agar penambahbaikannya kepada sistem keadilan jenayah negara haruslah sama diaplikasikan ke dalam Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri-Negeri Persekutuan Malaysia ke arah memartabatkan undang-undang Islam di*
- D *Malaysia.*

MUKADIMAH

- E Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2010 bertujuan untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dengan maksud, antara lain, untuk mengatasi masalah kes-kes tertunggak yang belum selesai di mahkamah jenayah dan untuk menggalakkan pelupusan kes jenayah dengan cepat.

RUNDING BICARA

- F Seksyen baru 172A membolehkan OKT yang diwakili peguambelanya, dan pendakwa raya untuk menyelesaikan isu sebelum proses pengurusan kes bermula. Di bawah sistem ini, pihak pendakwaan dan pembelaan dapat membincangkan, antara lainnya:
- G (a) mengenal pasti fakta dan isu perundangannya;
- (b) menghadkan isu yang dipertikaikan;
- (c) menjelaskan merit kes masing-masing;
- H (d) memastikan pematuhans 51A (dokumen yang OKT boleh perolehi daripada pendakwa);
- (e) sifat kes pendakwa dan OKT, termasuk pembelaan alibi oleh OKT;
- I (f) mencapai persetujuan mengenai rundingan akuan sebelum proses pengurusan kes diadakan dan apa-apa perjanjian mengenainya; dan apa-apa perkara yang boleh mempercepatkan pelupusan kes;

Rundingan prabicara ini diadakan dengan ketiadaan pegawai kehakiman dan boleh diadakan di mana-mana tempat atau dengan apa-apa cara yang dipersetujui oleh peguam bela dan pendakwa raya. Rundingan prabicara itu

boleh diadakan dalam keadaan yang kurang formal dengan tujuan untuk merasmikan apa-apa hasil rundingan itu semasa proses pengurusan kes. Di akhir rundingan prabicara itu, semua perkara yang dipersetujui hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh OKT, peguam belanya dan pendakwa raya. Proses rundingan prabicara ini hendaklah dimulakan dalam masa tempoh 30 hari dari tarikh OKT dituduh atau dalam tempoh yang munasabah sebelum pengurusan kes bermula.

PENGURUSAN KES

Seksyen baru 172B bertujuan untuk membolehkan mahkamah untuk memulakan proses pengurusan kes bagi sesuatu kes jenayah. Proses pengurusan kes mestilah diadakan dalam masa 60 hari dari tarikh tertuduh dituduh di mahkamah. Dalam proses pengurusan kes, pihak pendakwaan dan pembelaan dikehendaki, antara lain:

- (a) mengemukakan kepada mahkamah apa-apa yang telah dipertimbangkan dan dipersetujui semasa rundingan prabicara;
- (b) jika tiadanya rundingan prabicara kerana OKT tidak mempunyai peguamnya, membincangkan apa-apa yang patut dipertimbangkan sebagaimana rundingan prabicara;
- (c) membantu OKT yang tiada peguamnya untuk mewakili OKT;
- (d) menentukan tempoh perbicaraan;
- (e) menetapkan tarikh bicara; dan
- (f) apa-apa arahan yang boleh menggalakkan suatu perbicaraan yang adil dan cepat.

Suatu proses pengurusan kes yang berikutnya, jika perlu, boleh diadakan tidak kurang daripada dua minggu sebelum permulaan perbicaraan. Bagaimanapun, mahkamah hendaklah memulakan perbicaraan tidak lewat daripada 90 hari dari tarikh OKT dituduh di mahkamah. Semua perkara yang dipersetujui dan diubah ke dalam bentuk bertulis serta ditandatangani oleh OKT, peguam belanya dan pendakwa raya di bawah s 172A hendaklah boleh diterima sebagai keterangan pada perbicaraan itu.

Kedua-dua rundingan prabicara dan proses pengurusan kes jenayah melengkapkan peruntukan sedia ada dalam KPJ mengenai pembekalan dokumen yang pihak pendakwaan berhasrat untuk memberikan kepada OKT dan juga membekalkan OKT dengan fakta yang lebih baik bagi pihak pembelaan. Perkara ini boleh diselesaikan oleh pihak-pihak semasa rundingan prabicara atau pengurusan kes jenayah untuk memastikan perbicaraan dijalankan dengan licin sekiranya pihak-pihak tidak dapat mencapai 'pelupusan kes yang memuaskan' semasa proses rundingan akuan.

A

RUNDINGAN AKUAN

- B Seksyen baru 172C hingga 172F memperkatakan rundingan akuan. Seksyen 172C bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai rundingan akuan melalui permohonan (Borang 28A). OKT perlu membuat perisytiharan pada borang tersebut bahawa permohonannya dibuat dengan sukarela olehnya setelah memahami sifat dan takat hukuman yang diperuntukkan di bawah undang-undang bagi kesalahan yang dipertuduhkan. OKT juga perlu menyatakan pada borang tersebut sama ada terdapat rundingan akuan yang dipohon berkenaan hukuman atau pertuduhannya.
- C

- D Di dalam prosiding tertutup, mahkamah kemudiannya mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa proses itu dibuat secara sukarela antara pendakwa raya dan OKT. Apabila isu sukarela diselesaikan, OKT dan pendakwa raya kemudiannya hendaklah mencapai persetujuan secara bersama mengenai pelupusan kes yang memuaskan. Jika OKT dan pendakwa raya tidak dapat bersetuju mengenai pelupusan kes yang memuaskan, kes itu hendaklah dibicarakan di hadapan mahkamah lain supaya tidak memudaratkan OKT.
- E

PELUPUSAN KES

- F Seksyen 172D memperkatakan pelupusan kes oleh mahkamah. Mahkamah hendaklah melupuskan kes itu dengan membuat perintah di bawah s 426 KPJ, atau jika rundingan akuan itu berhubung dengan pertuduhan, mendapati OKT bersalah atas pertuduhan yang dipersetujui dalam pelupusan yang memuaskan itu dan menghukum OKT dengan sewajarnya, atau jika rundingan akuan itu berhubung dengan hukuman, mendapati OKT bersalah atas pertuduhan dan menghukum OKT di bawah s 293 (pesalah-pesalah muda) atau s 294 (pesalah-pesalah pertama) KPJ atau menghukum OKT dengan tidak kurang daripada setengah daripada hukuman maksimum yang dikenakan di bawah undang-undang bagi kesalahan itu. Apabila terdapat tempoh minimum pemenjaraan diperuntukkan, hukuman itu tidak boleh kurang daripada tempoh minimum itu. Dengan itu, terdapat suatu mekanisme mendorong OKT untuk mengaku salah dan pada masa yang sama dapat membuat jangkaan yang lebih baik tentang julat penghukuman yang boleh dikenakan.
- G
- H
- I Seksyen 172E memperuntukkan bahawa penghakiman mahkamah di bawah s 172D tidak boleh dirayu kecuali mengenai takat dan kesahan hukuman itu. Seksyen 172F pula bertujuan untuk melindungi OKT dengan melarang penggunaan apa-apa pernyataan yang dibuat atau fakta yang disebut oleh OKT semasa rundingan akuan bagi apa-apa maksud lain.

PERNYATAAN IMPAK MANGSA (VICTIM IMPACT STATEMENT)

Seksyen-seksyen 173(m)(ii) dan 183A adalah penambahan kepada s 173 (bagi mahkamah rendah) dan s 183 (bagi Mahkamah Tinggi) KPJ. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan mahkamah untuk menimbangkan pernyataan yang dibuat oleh mangsa sesuatu kesalahan atau seorang anggota keluarganya mengenai impak kesalahan yang telah dilakukan terhadap mangsa sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap OKT. Tujuan pindaan ini adalah untuk mengiktiraf hak mangsa jenayah. Pernyataan impak mangsa memberikan maklumat kepada mahkamah mengenai kesan kesalahan itu terhadap mangsa atau keluarganya untuk dipertimbangkan mahkamah bagi tujuan menentukan hukuman terhadap OKT. Proses keadilan jenayah mesti adil kepada kedua-dua mangsa dan pesalah. Dengan membolehkan mahkamah menimbangkan pernyataan impak mangsa sebelum menjatuhkan hukuman, keseimbangan antara pesalah dan mangsa dalam sistem keadilan jenayah (yang selalunya berorientasikan pesalah) dipulihkan.

PERNYATAAN DAN PENGAKUAN BERTULIS

Seksyen baru 402B bertujuan untuk memudahkan penggantian keterangan berbentuk lisan dengan keterangan berbentuk pernyataan bertulis. Proses ini membolehkan pendakwa raya dan pihak pembelaan mengemukakan pernyataan dalam bentuk keterangan semasa pemeriksaan utama. Kemudahan ini akan menjimatkan masa mahkamah dalam perekodan keterangan kerana pernyataan itu akan mempunyai kesan seolah-olah keterangan itu adalah keterangan lisan yang diberikan semasa mahkamah terbuka dan apa-apa ekshibit yang dikemukakan menurut kuasa seksyen ini dikemukakan seolah-olah dikemukakan dalam perjalanan biasa perbicaraan.

Seksyen baru 402C merupakan satu lagi peruntukan untuk menjimatkan masa mahkamah. Peruntukan ini melengkapkan seksyen baru 402B. Peruntukan ini menyatakan bahawa mana-mana pihak boleh mengakui apa-apa fakta yang keterangan lisan boleh diberikan baginya dan pengakuan fakta sedemikian oleh mana-mana satu pihak adalah muktamad dalam prosiding itu mengenai fakta yang telah diakui. Kemudahan yang diberikan ini akan membolehkan pihak-pihak untuk bersetuju mengenai fakta tertentu supaya dapat menghadkan isu yang dipertikaikan.

PELUPUSAN AWAL BARANG SITAAN

Seksyen 407A membuat peruntukan mengenai pelupusan awal barang sitaan yang tertentu yang, dengan mengambilkira sifat barang itu, merupakan barang yang berbahaya, sukar, mahal dan amat menyusahkan untuk disimpan dalam jagaan pihak polis. Jika hal keadaan menghendaki supaya barang sitaan itu

A

B

C

D

E

F

G

H

I

E

C

D

E

F

G

H

I

A dilupuskan, pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah pelupusan. Mahkamah hendaklah membuat perintah bagi pelupusan barang itu tertakluk kepada tatacara tertentu dipatuhi.

B Suatu inventori yang lengkap dan terperinci mengenai barang yang hendak dilupuskan mestilah diadakan dan gambar barang itu mestilah diambil. Sampel representatif barang itu hendaklah diambil dan disimpan dan majistret atau hakim yang mempunyai bidang kuasa perbicaraan hendaklah memperakukan tentang kesahihan inventori, gambar dan sampel representatif itu. Tatacara tersebut mesti dipatuhi supaya dapat memastikan rantai keterangan dikekalkan. Dengan peruntukan ini, pihak polis dapat mengurangkan risiko yang dihadapi mereka dan juga orang awam melalui penyimpanan barang sitaan yang amat berbahaya di premis penyimpanan mereka. Selain itu, pelupusan awal barang sitaan itu akan dapat mengurangkan kos yang tinggi yang ditanggung untuk menyenggara dan menyimpan barang sitaan itu dan juga dapat mengatasi masalah ruang simpanan yang terhad.

PEMBAYARAN PAMPASAN OLEH OKT (RESTORATIVE JUSTICE/ RESTITUTION)

E Pindaan s 426 bertujuan untuk menjadikan mandatori bagi mahkamah, atas permohonan pendakwa raya, untuk memerintahkan OKT yang telah disabitkan untuk membayar pampasan kepada mangsa kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT tersebut. Mahkamah hendaklah mengambilkira faktor yang relevan semasa membuat perintah untuk pembayaran pampasan itu. Pindaan itu juga memberi mahkamah kuasa untuk mengadakan siasatan jika difikirkannya patut berbuat sedemikian. Dengan pindaan ini, ketidakadilan yang dilakukan kepada seorang mangsa sesuatu kesalahan boleh dibaiki oleh orang yang sebenarnya telah memudaratkan mangsa itu melalui tindakannya yang menyalahi undang-undang.

KESIMPULAN

H Tidak boleh dinafikan bahawa KPJ kebelakangan ini telah melalui semakan demi semakan. Terdahulupun, telah adanya pindaan dibuat dengan peruntukan, antara lainnya, takat tempoh penahanan siasatan terhadap OKT telah dibezakan bagi kesalahan di bawah dan melebihi 14 tahun penjara, dan perincian OKT untuk mendapatkan nasihat seorang peguam. KPJ telah juga mempunyai peruntukan bagi membolehkan keterangan saksi diberikan melalui rangkaian secara langsung dan perekodan secara elektronik. Malahan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007, kanak-kanak dibolehkan bukan sahaja memberikan keterangannya secara rangkaian langsung, bahkan melalui rakaman video. Kanak-kanak juga dibolehkan memberikan keterangannya dengan diadakan pengadang di antaranya dengan OKT, dan

juga melalui orang perantaraan.⁴ Peruntukan-peruntukan baru yang terdapat di bawah KPJ, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 dan Akta Kanak-Kanak 2001 adalah bertujuan menjamin bukan setakat memperlihatkan keadilan, bahkan melicinkan dan mempercepatkan pelupusan kes tanpa menjejaskan atau mengakibatkan kepincangan keadilan. Maka KPJ sama ada di peringkat persekutuan mahupun dalam Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri tidak boleh lagi berdasarkan pada cara lama dan duduk ditakuk lamanya. Ia perlu disesuaikan dengan pindaan dan penambahbaikan sesuai dengan keadaan kemajuan dan kehendak masyarakat kontemporari.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

4 Sila baca Abdul Rani bin Kamarudin *Hak dan Perlindungan bagi Kanak-Kanak di bawah Undang-Undang Malaysia dan Antarabangsa di dalam Prosiding Jenayah*, kertas prosiding seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-Kanak ke-2, anjuran bersama Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa – Universiti Sultan Zainal Abidin dan Institut Sosial Malaysia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat) bertempat di Institut Sosial Malaysia pada 2–3 Oktober 2010.